

KERTAS 1

Jawab *semua* soalan.

- 1 Gambar 1 di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan



Apakah kelebihan jenis pemilikan perniagaan tersebut?

- A Liabiliti terhad
 - B Hayat perniagaan berterusan
 - C Bebas menguruskan perniagaan
 - D Perlu diuruskan secara berseorangan
- 2 Pernyataan manakah yang menerangkan tentang koperasi?
- A Menanggung liabiliti tidak terhad
 - B Kawalan perniagaan secara demokratik
 - C Pulangan syer dalam bentuk elaun
 - D Semua anggota terlibat dalam pembuatan keputusan
- 3 Maklumat di bawah berkaitan dengan perniagaan perkongsian.

Encik Ismail menyumbangkan modal dalam perniagaan, Beliau tidak melibatkan diri dalam aktiviti pengurusan perniagaan. Beliau juga menanggung liabiliti tidak terhad.

Berdasarkan pernyataan di atas, Encik Ismail merupakan

- A Rakan kongsi biasa
- B Rakan kongsi lelap
- C Rakan kongsi aktif
- D Rakan kongsi nominal

4 Gambar 2 di bawah berkaitan dengan pemilikan perniagaan



Ciri manakah yang berkaitan dengan perniagaan di atas?

- A Liabiliti tidak terhad
- B Bilangan ahli 2 hingga 50 orang
- C Penyata kewangan perlu dirahsiakan
- D Saham perlu diurusniagakan di bursa saham

5 Apakah matlamat penubuhan organisasi bukan bermotifkan untung?

- A Menawarkan produk berkualiti tinggi
- B Menyediakan premis perniagaan kepada usahawan
- C Melibatkan penglibatan sektor awam dalam kegiatan kemasyarakatan
- D Membantu golongan berkemampuan mendapatkan perkhidmatan percuma`

6 Manakah yang digolongkan sebagai perniagaan bersaiz kecil?

- A Kedai runcit
- B Syarikat penerbitan

- C Loji penapis minyak
- D Kilang perkakasan elektronik

- 7 Apakah peranan kerajaan negeri terhadap peniaga?
- A Menyediakan kemudahan infrastruktur
 - B Mengumpulkan hasil cukai pendapatan
 - C Membangunkan kegiatan ekonomi setempat
 - D Melindungi pengguna daripada penipuan para peniaga
- 8 Manakah antara berikut merupakan kesan trend menurun kepada ekonomi negara?
- A Permintaan barangan pengguna meningkat
 - B Perbelanjaan mengurus perniagaan meningkat
 - C Peningkatan pembayaran cukai kepada kerajaan
 - D Peningkatan kawalan kuantiti pengeluaran produk

9. Yang manakah contoh analisis faktor luaran?

- I Simpanan bahan mentah yang mencukupi
- II Gaya pengurusan yang tidak bersesuaian
- III Situasi politik yang tidak menentu
- IV Kejatuhan nilai mata wang
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

10 Nyatakan langkah yang sesuai diambil oleh kerajaan dalam menangani masalah trend menurun dalam persekitaran perniagaan ?

- A Meningkatkan perbelanjaan kerajaan
- B Melakukan kempen berjimat-cermat
- C Menaikkan kadar faedah simpanan
- D Menaikkkan kadar cukai

11 Pilih pasangan yang betul.

	Perubahan dalam Guna Tenaga	Kesan
I	Pertambahan bilangan kerja	Aktiviti perniagaan sedang berkembang
II	Perkembangan dalam teknologi	Menyebabkan bilangan pekerja dalam sektor berkurangan

III	Pertambahan penggunaan pekerja mahir	Peluang pekerjaan di negara akan berkurang
IV	Pengurangan bilangan pekerja	Boleh mencapai guna tenaga penuh

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

12 Antara yang berikut yang manakah ciri-ciri objektif yang baik.

- I Dibuat secara umum
- II Boleh diterjemahkan
- III Mempunyai tarikh tertentu
- IV Mempunyai sasaran yang boleh dicapai

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

13. Pernyataan berikut menunjukkan kitaran ekonomi.

Tahap ini memberikan kesan negatif terhadap perniagaan. Perniagaan perlu mengubah suai Visi, Misi dan Objektif perniagaan mengikut keperluan perniagaan.

Apakah tahap yang berkaitan dengan pernyataan di atas.

- A Melambung
- B Kemelesetan
- C Pertumbuhan
- D Perkembangan

14 Bagaimanakah dasar fiskal dapat mengawal keadaan ekonomi.

- A Menggubal Perlembagaan Malaysia
- B Mengetatkan syarat menjalankan perniagaan
- C Mengubah kadar cukai dan perbelanjaan kerajaan
- D Memberhentikan sesetengah perniagaan di pasaran tempatan

15 Antara berikut manakah bukan kesan-kesan yang dialami oleh perniagaan jika gagal mencapai matlamat perniagaan

- A Jualan merosot
- B Imej perniagaan terjejas
- C Gagal dalam perniagaan

D Sukar untuk mendapatkan stok

16 Pernyataan yang manakah benar tentang fungsi bahagian penyelidikan dan pembangunan.

- A** Menetapkan harga produk
- B** Memasarkan produk di pasaran
- C** Menambahbaikan produk sedia ada
- D** Menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh pelanggan

17 Maklumat berikut menunjukkan peranan suatu bahagian fungsian

- Melatih pekerja
- Memilih pekerja
- Merekrut pekerja

Apakah bahagian fungsian tersebut.

- A** Pengagihan
- B** Pengeluaran
- C** Pengurusan sumber manusia
- D** Teknologi maklumat dan telekomunikasi

18 Maklumat berikut berkaitan dengan perniagaan yang dijalankan oleh Encik Hassan

Encik Hassan ialah pemilik HassanTrading. Baru-baru ini, Hassan Trading telah menerima pesanan sebanyak 500 unit produk A.

Antara yang berikut, bahagian fungsian yang manakah perlu digerakkan bagi memastikan produk A sampai ke tangan pelanggan.

- A** Pengagihan
- B** Pentadbiran
- C** Khidmat pelanggan
- D** pengeluaran

19 Bagaimanakah aktiviti yang dijalankan oleh bahagian fungsian pemasaran dapat meningkatkan keuntungan perniagaan

- A** Mengurangkan kos
- B** Meningkatkan penawaran
- C** Meningkatkan pengeluaran
- D** Meningkatkan permintaan

20 Pernyataan yang manakah menerangkan maksud pengurusan sumber manusia.

- A Satu usaha mengenalpasti dan mengambil pekerja baharu dalam organisasi
- B Merujuk kepada pendekatan dan cara mengurus pekerja secara cekap
- C Satu usaha pembangunan tenaga kerja strategik untuk mencapai matlamat organisasi
- D Aktiviti melatih pekerja baharu untuk mencapai matlamat jangka masa Panjang organisasi

21 Antara berikut, manakah prosedur mengurus sumber fizikal sebuah kilang tayar?

- I Menghasilkan pelbagai tayar berkualiti untuk pasaran
- II Membeli teknologi baru untuk tingkatan kualiti tayar
- III Menyelenggara mesin untuk lancarkan operasi pengeluaran
- IV Mengambil insurans untuk melindungi perniagaan
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Antara berikut, yang manakah bukan sumber pembiayaan luaran?

- A Syer
- B Rizab keuntungan
- C Bantuan modal
- D Geran penyelidikan

23 Perbualan berikut berkaitan dengan satu sumber pembiayaan luaran.

Ah Guan: Syarikat saya baru dapat kontrak membina jalan raya. Saya perlu memohon pembiayaan untuk membeli beberapa buah jentolak.
 Hakimi: Apa kata awak cuba memohon pembiayaan pajakan. Lagi pun awak hanya perlukan jentolak untuk sementara sahaja bagi menyiapkan projek pembinaan jalan raya.

Apakah kelebihan pembiayaan tersebut kepada Ah Guan?

- A Dapat mengelak daripada risiko keusangan aset
- B Boleh dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman
- C Dapat memiliki aset selepas tamat tempoh pajakan
- D Boleh mendapatkan pembiayaan modal kerja

24 Razin menjual air pelbagai perisa di pasar malam. Bagaimanakah cara dia mendapatkan modal?

- A Mencagarkan tanah milik bapanya
- B Membeli invois daripada syarikat pempfaktoran
- C Menggunakan wang tabung miliknya
- D Mendapatkan pinjaman daripada Agrobank

- 25 Butiran manakah yang terdapat dalam Akaun Perdagangan dan Untung Rugi?
- I Kos belian
 - II Aset semasa
 - III Ekuiti pemilik
 - IV Jualan bersih
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 26 Butiran manakah yang terdapat dalam Penyata Aliran Tunai?
- A Jualan kredit
 - B Hutang lapuk
 - C Ambilan barang niaga oleh pemilik
 - D Penerimaan daripada penghutang
- 27 Mengapakan Titik Pulang Modal (TPM) penting kepada sesebuah perniagaan?
- A Menunjukkan kuantiti keluaran yang tidak memberi sebarang untung atau rugi
 - B Menunjukkan kedudukan ekuiti pemilik sesebuah perniagaan
 - C Menunjukkan tahap maksimum jualan yang diperolehi
 - D Menunjukkan jumlah hasil melebihi jumlah kos perniagaan
- 28 Maklumat berkaitan dengan analisis penyata kewangan.
- Encik Sugu merupakan pemilik kedai gunting rambut. Beliau telah menguruskan Kunci Kira-kira perniagaan dengan cekap dan lengkap.
- Apakah kegunaan Kunci Kira-kira kepada beliau?
- A Merancang strategi tingkatan keuntungan
 - B Meramal prestasi perniagaan masa hadapan
 - C Mengetahui kedudukan kewangan
 - D Mengetahui komponen ekuiti pemilik
- 29 Antara berikut, yang manakah tujuan usahawan menganalisis Penyata Pendapatan?
- A Mengukur prestasi perniagaan
 - B Mengetahui hutang dengan pihak luar
 - C Menentukan jumlah aset
 - D Mengira jumlah modal
- 30 Maklumat berkaitan dengan Encik Roshan.
- Encik Roshan merupakan pengusaha menjual alat ganti kenderaan. Beliau telah menggajikan 8 orang pekerja untuk melancarkan operasi perniagaan beliau.
- Apakah kelebihan beliau kepada masyarakat?
- A Memenuhi keperluan dan kehendak
 - B Memberikan pelbagai produk
 - C Membuka peluang pekerjaan

D Mengurangkan kadar jenayah

31 Maklumat berikut berkaitan dengan sejenis pemilikan perniagaan.

* Kedai Zone Nordin dan Anizah
 * Menjual alatan telekomunikasi
 * Bilangan pekerja : dua orang

Kedai di atas perlu didaftarkan di bawah

- A** Akta Syarikat 2016
 - B** Akta Penubuhan 1966
 - C** Akta Pendaftaran Perniagaan 1956
 - D** Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012
- 32** Pernyataan manakah yang menunjukkan seorang usahawan yang mempunyai ciri tabah?
- A** Bijak mencari peluang
 - B** Meneroka bidang baharu
 - C** Berusaha menghasilkan produk yang berkualiti
 - D** Tidak mudah berputus asa semasa menghadapi cabaran
- 33** Encik Tan yang menubuhkan Tan Trading telah mendaftarkan perniagaan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Apakah tanggungjawab yang perlu dilaksanakan oleh Encik Tan setelah mendaftarkan perniagaan tersebut?
- A** Mengiklankan jawatan kosong
 - B** Mengemas premis perniagaan
 - C** Mempamerkan papan tanda perniagaan
 - D** Mempromosikan barang dan perkhidmatan perniagaan
- 34** Maklumat berikut menunjukkan beberapa dokumen perniagaan.

* Invois
 * Resit

Apakah kepentingan menyimpan dokumen perniagaan di atas?

- I** Sebagai sumber rekod dalam penyediaan akaun perniagaan
- II** Sebagai bukti berlaku sesuatu urusan niaga
- III** Untuk kegunaan pendaftaran perniagaan
- IV** Untuk mengingatkan peniaga tentang stok dalam perniagaan
- A** I dan II
- B** I dan IV
- C** II dan III

D III dan IV


- 35** Maklumat berikut berkaitan dengan sebahagian prosedur penubuhan sesuatu perniagaan.

Menyerah simpan permohonan pemerbadanan dalam tempoh masa 30 hari atau mana-mana tempoh yang lebih lama seperti mana yang dibenarkan oleh Pendaftar (maksimum 180 hari) selepas nama diluluskan.

Apakah bentuk perniagaan tersebut?

- A** Syarikat
 - B** Koperasi
 - C** Perkongsian
 - D** Milikan tunggal
- 36** Mengapakah Kunci Kira-Kira disediakan oleh sesebuah perniagaan?
- A** Mengekalkan imej perniagaan
 - B** Menentukan untung atau rugi operasi perniagaan
 - C** Menunjukkan kedudukan kewangan perniagaan
 - D** Menunjukkan keadaan aset dimiliki oleh perniagaan
- 37** Apakah tujuan nota kredit dikeluarkan?
- I** Pembeli memulangkan bekas kosong yang telah dicaj dalam invois
 - II** Caj pengangkutan yang dikenakan ke atas pembeli
 - III** Jumlah dalam invois berkurang caj
 - IV** Komisen diberi kepada pembeli
- A** I dan II
 - B** I dan IV
 - C** II dan III
 - D** III dan IV
- 38** Pernyataan manakah yang **benar** tentang kepentingan pemasaran kepada sesebuah organisasi?
- A** Menambahkan nilai kepada produk sedia ada supaya dapat memberikan satu imej baharu kepada pelanggan.
 - B** Membantu pengeluar memperoleh keuntungan yang maksimum melalui penetapan harga produk yang ditawarkan.
 - C** Membantu pengeluar membentuk sistem komunikasi yang berkesan supaya produk itu dapat menarik perhatian pengguna.
 - D** Membantu pengeluar memperluas syer pasaran produk serta mencapai kepimpinan pasaran terhadap produk yang ditawarkan.

- 39 Rajah di bawah berkaitan dengan aspek dalam pemasaran dan jualan produk.



Apakah aktiviti **K**?

- A Menyedarkan pengguna akan kewujudan barang
- B Memastikan perniagaan memperoleh keuntungan
- C Membolehkan barang mampu berdaya saing
- D Membolehkan output diperoleh pengguna

- 40 Maklumat berikut berkaitan dengan jenis trend perniagaan.

* Keadaan konsisten dalam perniagaan

* Tiada perubahan yang ketara berlaku terhadap faktor dalaman dan luaran perniagaan

Apakah jenis trend perniagaan tersebut?

- A Trend meningkat
- B Trend mendatar
- C Trend menurun
- D Trend mencapah

